

KONSEP, RUKUN & MANFAAT SKIM AR-RAHNU KEPADA USAHAWAN WANITA

CONCEPTS, PILLARS & BENEFITS OF AR-RAHNU SCHEME FOR WOMEN ENTREPRENEURS

Hallieyana Sha'ari¹
Nurul Fazlina Mat Zin²

¹Jabatan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,
(E-mail: hallieyana@kias.edu.my)

² Pusat Khidmat Akademik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,
(E-mail: nurulfazlina.matzin@kias.edu.my)

Article history

Received date : 14-6-2022
Revised date : 15-6-2022
Accepted date : 30-6-2022
Published date : 30-6-2022

To cite this document:

Hallieyana Sha'ari & Nurul Fazlina (2022). Konsep, Rukun & Manfaat Skim Ar-Rahnu Kepada Usahawan Wanita. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 129 - 140.

Abstrak: Skim pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu telah menjadi pemangkin ekonomi kepada golongan usahawan terutamanya usahawan mikro dalam mendapatkan modal kewangan untuk menjalankan perniagaan. Di Malaysia, skim Ar-Rahnu dilihat telah menjadi produk kewangan yang sangat berpotensi dalam menyediakan kemudahan pembiayaan berasaskan cagaran yang berlandaskan syariah kepada masyarakat. Dengan adanya kesedaran yang meningkat mengenai kewangan Islam, masyarakat telah mula sedar tentang pemilihan kewangan secara Islam seperti pemilihan skim Ar-Rahnu sebagai penyedia kemudahan pembiayaan berbanding dengan pajak gadai konvensional terutamanya bagi usahawan wanita untuk mendapatkan modal kewangan dengan lebih cepat dan mudah tanpa terikat dengan syarat-syarat yang ketat seperti di institusi perbankan. Berdasarkan keadaan ini, kajian kepustakaan dilaksanakan untuk melihat dengan lebih jelas mengenai konsep Ar-Rahnu, rukun, proses gadaian dan manfaat skim Ar-Rahnu kepada usahawan wanita. Antara manfaat skim Ar-Rahnu kepada usahawan wanita ialah Ar-Rahnu menawarkan kemudahan pembiayaan berlandaskan Syariah dan skim yang ditawarkan oleh Ar-Rahnu juga tidak memerlukan penjamin.

Kata kunci: Ar-Rahnu, usahawan Wanita, Rukun, Manfaat

Abstract: The Islamic pawn scheme or Ar-Rahnu has become an economic catalyst for entrepreneurs, especially for micro-entrepreneurs in obtaining financial capital to run a business. In Malaysia, Ar-Rahnu scheme is seen to become a very potential financing product in providing shariah-compliant collateral-based financing facilities to the community. With the increasing awareness of Islamic finance, the community has begun to be aware of Islamic financial options such as the selection of Ar-Rahnu scheme as a provider of financing facilities compared to conventional mortgages especially for women entrepreneurs to obtain financial capital more quickly and easily without being bound by conditions as strictly requirements as in banking institutions. Therefore, a literature review was conducted to see more clearly about the concept of Ar-Rahnu, the pillars, the mortgage process, and the benefits of the Ar-Rahnu scheme to women entrepreneurs. Among the benefits of the Ar-Rahnu scheme to women

entrepreneurs is that Ar-Rahnu offers Shariah-compliant financing facilities and the scheme offered by Ar-Rahnu also does not require a guarantor.

Keywords: *Ar-Rahnu, Women Entrepreneur, Pillars. Benefits*

Pendahuluan

Ar-Rahnu merupakan satu skim Pajak Gadai Islam yang berlandaskan prinsip-prinsip Shariah. Perkataan *Ar-Rahnu* adalah berasal daripada bahasa Arab (*Rahn*) yang membawa maksud gadai. Ar-Rahnu amat mementingkan amalan pajak gadai yang bebas daripada elemen-elemen yang dilarang oleh Shariah seperti *riba* dan *gharar*. Selain itu, Ar-Rahnu merupakan salah satu produk kewangan Islam secara mikro yang berasaskan kredit atau hutang (Aznan dan Nor Razinah, 2021).

Masyarakat Malaysia khususnya mereka yang menghadapi masalah kewangan sementara, memerlukan keperluan perbelanjaan yang tidak dijangka atau memerlukan wang segera amat mengenali pajak gadai. Menurut Aznan dan Razinah (2021), sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kemudahan mikro-kredit berasaskan Ar-Rahnu telah menjadi bertambah penting dengan adanya kesedaran yang meningkat mengenai kewangan Islam di Malaysia. Di samping itu, Ar-Rahnu juga telah menjadi pilihan pembiayaan yang semakin popular, terutamanya dikalangan usahawan wanita mikro (Aznan dan Razinah, 2021). Menurut (Faudziah & Rosemaliza, 2002), pajak gadai juga turut memberi bantuan pinjaman kewangan usahawan atau peniaga kecil yang memerlukan modal tetapi gagal mendapat pinjaman daripada institusi kewangan dan perbankan.

Permasalahan paling utama yang sering dihadapi oleh usahawan wanita adalah kekangan kewangan dan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman sama ada pinjaman berlandaskan Islam mahupun pinjaman konvensional (Salimah, 2021). Kesukaran untuk mendapatkan pinjaman kewangan ini adalah disebabkan prosedur permohonan pinjaman yang ketat oleh institusi kewangan dan perbankan (Salimah, 2021 dan Nadiah Nabilah, 2014).

Malah, cabaran yang dihadapi oleh usahawan kecil yang kebanyakannya adalah usahawan wanita adalah sukar untuk mendapatkan kepercayaan dari institusi kewangan semasa permohonan mendapatkan pinjaman modal (Salimah, 2021). Hal ini yang demikian mendorong ramai usahawan beralih kepada pinjaman skim Ar-Rahnu di mana skim ini juga turut mempunyai manfaat dan kelebihannya yang tersendiri.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Nik Hadiyan et al. (2016) yang mengambil pandangan usahawan mikro wanita di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu Kelantan mendapati bahawa Ar-Rahnu menjadi salah satu instrumen kewangan yang dapat membiayai industri kecil-kecilan dan dapat membantu mereka untuk berdikari dengan kewangan mereka sendiri. Dengan adanya kemudahan pembiayaan Ar-Rahnu ini, usahawan mikro wanita dapat mempelbagaikan dan mengembangkan perniagaan mereka. Selain itu, Ar-Rahnu juga telah membantu usahawan mikro wanita untuk mengubah perniagaan mereka daripada perniagaan tradisional kepada sebuah perniagaan yang lebih moden dan menguntungkan dengan pembiayaan yang mudah dan cepat daripada skim Ar-Rahnu (Nik Hadiyan et al. 2016).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Salimat et al. (2022) mendapati latar belakang demografi usahawan mempengaruhi penerimaan kemudahan skim Ar-Rahnu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor jantina adalah signifikan di mana usahawan wanita lebih menerima kemudahan skim Ar-Rahnu berbanding dengan usahawan lelaki dan keadaan ini sekaligus mendorong kepada perkembangan skim Ar-Rahnu di Kelantan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kepustakaan atau dikenali sebagai *library research* di mana tidak melibatkan sebarang aktiviti di lapangan. Penulis mendapatkan sumber rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahan yang dirujuk adalah berdasarkan sumber sekunder seperti tesis, artikel jurnal, portal rasmi, prosiding dan seumpamanya. Hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji diteliti bagi menganalisis untuk mencapai objektif kajian ini.

Kajian kepustakaan yang dilakukan ini adalah dengan melihat secara jelas kepada konsep Ar-Rahnu, rukun, proses gadaian dan manfaat skim Ar-Rahnu kepada usahawan wanita. Dengan memahami konsep Ar-Rahnu, rukun, proses gadaian dan manfaat skim Ar-Rahnu dapat memberi pemahaman sekaligus menggalakkan lagi masyarakat khususnya usahawan wanita untuk menggunakan skim Ar-Rahnu sebagai salah satu sumber modal. Hal ini bertujuan bagi meningkatkan ekonomi usahawan wanita yang berperanan dalam peningkatan ekonomi negara Malaysia.

Usahawan Wanita

Usahawan wanita merupakan individu yang menjalankan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Shalini Sinha, 2009). Pendapat ini juga disokong oleh pendapat sarjana barat iaitu Andrea E. Smith -Hunter (2006) yang menyatakan bahawa usahawan wanita merupakan individu yang menjalankan dan menubuhkan perniagaan kecil serta menguruskan perniagaan berdasarkan prinsip dan matlamat individu tersebut. Selain itu, usahawan wanita juga ialah mereka yang membentuk kerja baru untuk diri sendiri, meneroka peluang keusahawanan dan menyediakan pelbagai kemudahan serta menyelesaikan masalah masyarakat (OECD, 2004). Manakala menurut McKay (2001), usahawan wanita merujuk kepada wanita yang mempunyai motivasi untuk membangunkan perniagaan sendiri.

Penglibatan kaum wanita kini dilihat tidak asing lagi di dalam bidang keusahawanan malah terdapat di antara mereka dilihat lebih ke hadapan berbanding kaum lelaki. Di Malaysia, di antara usahawan wanita yang melibatkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan seperti A'tikah Asha'ari iaitu Pengarah Urusan jenama hijab "Radiusite", Lisa Wong merupakan Pengarah Urusan Oscar Footwear Marketing Sdn Bhd, Puan Hajjah Pazdilah Enda Sulaiman iaitu pemilik syarikat Siti Khadijah Appar Sdn Bhd (SKA), Noor Neelofa Mohd Noor selaku pengasas Neelofar Hijab yang telah menerima pencalonan dalam kategori anugerah usahawan berprestij antarabangsa, Influencer Awards 2019 serta ramai lagi usahawan-usahawan wanita lain yang turut serta bergiat aktif dalam dunia keusahawanan. Menurut Inverso (2015) dalam kajian Umami Munirah et.al. (2017), antara usahawan wanita yang berjaya diperingkat antarabangsa ialah Kiran Mazumdar Shaw iaitu usahawan wanita India pertama yang menjalankan kaedah bio-teknologi, Wu Yajun yang mempunyai pekerja lebih daripada 10,000 orang yang berkerja di syarikat miliknya Wu' Beijing Real Estate Firm dan Judy Faulkner yang memiliki syarikat swasta kesihatan.

Kaum wanita mempunyai kelebihan tersendiri jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Hal ini kerana sikap mereka yang dilihat lebih agresif dari segi pemikiran, perasaan dan tindakan.

Wanita dilihat lebih bersedia menghadapi ragam pelanggan dan tekun dalam menguruskan perniagaan. Selain itu, sifat semula jadi wanita seperti berjimat-cermat menjadikan mereka dapat menguruskan aspek kewangan syarikat dengan baik (Ummi Munirah et.al. 2017). Hal ini telah menjadi asas kejayaan kepada seorang usahawan wanita dalam meneruskan perniagaan.

Kajian berkenaan dengan usahawan wanita telah banyak dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Satu kajian telah dijalankan oleh Adibah (2015) iaitu “Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Perniagaan Usahawan Wanita PKS di Malaysia” mendapati bahawa modal kewangan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita. Manakala hasil kajian Nor Aziza et.al (2018) mendapati terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita antaranya ialah faktor latar belakang diri, kemahiran pengurusan perniagaan, kemahiran jaringan dan sokongan institusi dan kerajaan.

Mohd Maliki dan Norasmah (2018) pula menjalankan kajian bertajuk “Amalan Pengurusan Perniagaan Wanita Felcra Berhad” yang melibatkan usahawan wanita Felcra Berhad yang dijalankan di Seberang Perak, hasil dapatan kualitatif menunjukkan faktor demografi, minat dan sumber pendapatan menjadi faktor pendorong usahawan wanita melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Seterusnya, Umi Munirah et. al. (2017) telah menjalankan kajian bertajuk “Faktor-faktor yang mempengaruhi usahawan wanita Tekun: Satu Kajian di Hulu Langat”. Hasil kajian beliau mendapati modal kewangan dan motivasi matlamat mempunyai hubungan yang kuat dengan kejayaan usahawan wanita TEKUN.

Usahawan wanita biasanya akan memulakan perniagaan mereka dengan menggunakan modal sendiri serta berusaha untuk mengawal perniagaan mereka sendiri berbanding usahawan lelaki yang lebih bergantung kepada sumber kewangan dari luar (Brusino, 2009 dalam Ummi Munirah et. al 2017) . Menurut Yusnidah, Faudziah dan Anngapan Regupathi (2005), modal kewangan merupakan faktor terpenting bagi menggerakkan sesebuah perniagaan. Ketiadaan modal menyebabkan aktiviti perniagaan tidak dapat dijalankan sehingga boleh membawa kepada penutupan perniagaan itu sendiri (Hallieyana et. al 2019). Oleh itu, modal kewangan merupakan jaminan kejayaan sesebuah perniagaan. Tanpa modal kewangan, usahawan mungkin akan menghadapi masalah dalam menguruskan perniagaan mereka.

Oleh yang demikian, pembiayaan skim Ar-Rahnu merupakan antara alternatif platform yang digunakan oleh para usahawan terutamanya usahawan wanita dalam mendapatkan modal dalam menggerakkan perniagaan yang mereka ceburi sekaligus meningkatkan taraf ekonomi mereka dan keluarga.

Skim Ar-Rahnu

Perkembangan skim Ar-Rahnu pada hari ini telah mendorong banyak institusi untuk menawarkan perkhidmatan ini seperti koperasi awam, syarikat-syarikat kewangan dan institusi perbankan (Rosaidi & Norziah, 2021). Sejarah Islam membuktikan aktiviti pajak gadai ini telah lama wujud iaitu pada zaman Rasulullah SAW di mana Baginda Rasulullah SAW sendiri menjalankan aktiviti pajak berkenaan (Azila, Fidlizan, Mohd Yahya, Suraini, & Emilda, 2013).

Di Malaysia, pajak gadai mula diperkenalkan oleh pedagang Cina di zaman kesultanan Melayu Melaka abad ke-15 (Muhammad Saiful Islami & Muhammad Hakimi, 2008). Sistem pajak gadai di Malaysia adalah berbentuk pajak gadai konvensional dan secara Islam. Menurut Hasanuddin & Saimi, (2021); Salimah, (2020) dan Muhammad Saiful Islami & Muhammad Hakimi, (2008), kemunculan sistem pajak gadai Islam telah menjadi salah satu alternatif kepada

masyarakat terutamanya mereka yang Muslim kerana pajak gadai Islam tidak melibatkan unsur *riba* yang diharamkan oleh Syarak.

Dari sudut pemikiran Faudziah & Rosemaliza, (2002), skim Ar-Rahnu merupakan kaedah pinjaman kecil untuk penghutang tanpa sebarang faedah, *riba* atau bunga. Perkataan gadai bermaksud pinjaman wang yang menyerahkan barang cagaran seperti barang kemas bagi satu tempoh masa tertentu (Ibraheng, Asyraf , & Mohammad Tahir , 2019; Nik Hadiyan, Salina, & Adeyemi, 2016 dan Muhammad Saiful Islami & Muhammad Hakimi , 2008).

Barang kemas dan seumpamanya merupakan kawan baik kepada golongan wanita sama ada suri rumah mahupun usahawan wanita di seluruh pelusuk dunia untuk memilikinya (Hallieyana, Nurul Fazlina, & Azwan, 2021). Hal ini kerana, barang kemas mempunyai fungsi yang boleh digadai ataupun dijual bagi mendapatkan wang tunai mendorong kepada wujudnya perniagaan pajak gadai (Hallieyana, Nurul Fazlina, & Azwan, 2021).

Pajak gadai Islam yang lebih dikenali dengan nama Ar-Rahnu adalah berasal dari bahasa Arab iaitu *Rahn* (Salimah, 2021; Hallieyana, Nurul Fazlina, & Azwan, 2021; Ishak, Rohaizad, Abdullah, & Azmi, 2019 dan Norfadilah, Nurul Wajhi, Wan Shahdila, & Khairul Anwar, 2017). Rumusannya, skim Ar-Rahnu merupakan gadaian, gadai janji atau cagaran yang merujuk kepada mengambil harta sebagai jaminan terhadap hutang, di mana harta bercagar itu boleh digunakan untuk membayar balik hutang sekiranya penghutang tidak menjelaskan pinjaman yang diberikan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa skim Ar-Rahnu ini merupakan produk kewangan Islam yang berperanan memberikan bantuan kewangan bagi membasmi kemiskinan golongan miskin dan suntikan modal kepada para usahawan terutamanya usahawan wanita dalam menjalankan aktiviti keusahawanan.

Konsep & Rukun Ar-Rahnu

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, terdapat beberapa konsep Islam yang digunakan di dalam sistem skim Ar-Rahnu. Menurut Hallieyana, Nurul Fazlina, & Azwan, (2021), skim Ar-Rahnu mengaplikasikan situasi menang-menang “*win-win situation*” antara penghutang dan pemberi hutang. Hal ini kerana, barang cagaran akan dipegang oleh pemberi hutang manakala penghutang pula akan memperolehi wang mengikut persetujuan bagi suatu tempoh masa yang berlandaskan syarak. Konsep yang digunakan dalam skim Ar-Rahnu diringkaskan sebagaimana jadual 1 berikut:

Jadual 1: Konsep Ar-Rahnu

Konsep Islam	Huraian	Penulis
<i>Qardhul Hasan</i> (Pembiayaan Pemurah)	Merupakan perjanjian pembiayaan di antara pemberi hutang dan penghutang. Pemberi hutang adalah dilarang untuk mengenakan bayaran balik melebihi daripada jumlah pinjaman, tetapi digalakkan untuk memberi cenderahati sebagai penghargaan disebabkan sikap baik hati dan pemurah pihak penghutang	Zainuddin, (2022); Azizah & Atikullah, (2019); Balqis, 2014); Azila, Fidlizan, Mohd Yahya, Suraini , & Emilda, (2013); Azila, Fidlizan, Mohd Yahya, Suraini, & Emilda, (2013); Azizah, Norashidah, & Syahrina, (2010);

Wadiah Yad-Amanah (Amanah)	Penghutang mestilah mengemukakan barang cagaran yang boleh dikembalikan bagi memastikan bayaran balik pinjaman dibuat. Penghutang mengamanahkan barang cagaran tersebut dijaga dan sekiranya berlaku sesuatu bukan disebabkan kecuaiannya pemberi hutang, maka pemberi hutang tidak dimestikan untuk menggantikan barang cagaran berkenaan.	Zainuddin, (2022); Azizah & Atikullah, (2019); Balqis, 2014); Azila, Fidlizan, Mohd Yahya , Suraini, & Emilda, (2013); Azizah , Norashidah, & Syahrina, (2010)
Al-Ujrah (Yuran Penyimpanan)	Pemberi hutang dibenarkan untuk mengenakan upah yang berpatutan ke atas perkhidmatan menyimpan barang cagaran dalam keadaan yang baik dan selamat.	Zainuddin, (2022); Azizah & Atikullah, (2019); Balqis, 2014); Azila, Fidlizan, Mohd Yahya , Suraini, & Emilda, (2013); Azizah , Norashidah, & Syahrina, (2010)
Wadiah Yadhomanah (Simpanan dengan Jaminan)	Pemberi hutang akan bertanggungjawab untuk menggantikan barang cagaran yang hilang atau dicuri kepada penghutang jika mereka melanggar kontrak perjanjian.	Zainuddin, (2022); (Balqis, 2014); Azila, Fidlizan, Mohd Yahya , Suraini , & Emilda, (2013); Azizah & Norashidah, & Syahrina, (2010);

Selain itu, dengan merujuk kepada beberapa laman sesawang institusi Ar-Rahnu di Malaysia iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Bank Rakyat, TEKUN NASIONAL dan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), konsep skim Ar-Rahnu yang diaplikasi oleh institusi berkenaan diringkaskan seperti di dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Konsep Islam dalam Skim Ar-Rahnu

Institusi Ar-Rahnu	Konsep Skim Ar-Rahnu	Huraian
(Ar-Rahnu YaPEIM, 2022)	Ijarah Al-Khadamat	Merupakan kontrak sewaan terhadap perkhidmatan
	Musawamah	Merujuk kepada jual beli aset yang tidak melibatkan pendedahan kos pembelian dan keuntungan kepada pembeli
	Wakalah	Merupakan perwakilan atau wakil yang meniaga, memelihara dan menjamin sesuatu urusan
	At-Tawarruq	Urusniaga muamalah yang melibatkan dua peringkat iaitu pembelian aset antara pembeli dan penjual kemudian, pihak pembeli akan menjual aset kepada pihak ketiga. Penglibatan tiga pihak yang tiada kaitan antara satu sama lain.

	Ar-Rahn	Barang berharga dihadkan sandaran yang terikat dengan pembiayaan bercagar yang boleh dibayar dengannya sekiranya hutang tersebut tidak dijelaskan.
(Ar-Rahnu Bank Rakyat, 2022)	Murabahah	Menerima pakai amalan Tawarruq di mana Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi dengan harga kos dan menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada harga jualan secara tertangguh. Bank (wakalah) akan menjual komoditi kepada pihak ketiga secara tunai dan memberikan/ memasukkan ke dalam akaun pelanggan secara tunai
	Rahn	Menjadikan sesuatu aset sebagai cagaran/ jaminan kepada pembiayaan
	Wakalah	Bank bertindak sebagai wakil pelanggan untuk membeli komoditi tersebut daripada Bank
(Ar-Rahnu TEKUN NASIONAL, 2022)	Qard	Diguna pakai dalam pembiayaan gadaian kepada pelanggan
	Rahn	Pelanggan mencagarkan emas kepada Ar-Rahnu TEKUN untuk tujuan cagaran pinjaman
	Wadiah Yad Dhamanah	Diguna pakai ketika Ar-Rahnu TEKUN menyimpan emas
	Ujrah	Upah simpanan emas yang diberikan kepada pelanggan mengikut nilainya dan tempoh simpanan
(Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), 2022)	Ar-Rahnu	Pajak gadai Islam
	Al-Wadiah Yad-Dhamanah	Simpanan dengan jaminan
	Al-Qardhul Hasan	Pembiayaan kebajikan
	Al-Ijarah	Upah

Sumber: YaPEIM (2022), Bank Rakyat (2022), TEKUN NASIONAL (2022) dan MGIT (2022)

Menurut Faudziah & Rosemaliza, (2002), (Nur Hayati & Ruzian, 2014), Nor Fadilah, Shafina, Wan Shahdila Shah, & Hj Tajul Azli, (2015) dan Azizah & Atikullah, (2019) dalam melakukan transaksi gadaian, terdapat rukun “pillars” yang perlu diteliti dan dipenuhi. Jadual 3 berikut adalah rukun gadaian menurut Islam.


Jadual 3: Rukun Gadaian Menurut Islam

Rukun Gadaian	Huraian
<i>Rahin</i> (Penghutang)	Pihak yang berhutang wang daripada pihak lain dengan mencagarkan aset berharga sebagai cagaran/ jaminan
<i>Murtahin</i> (Pemberi Hutang)	Pihak yang memberi hutang kepada pihak lain dan bertanggungjawab terhadap keselamatan aset berharga yang dicagarkan oleh penghutang
<i>Al-Marhun</i> (Barang Gadaian)	Aset berharga yang digadai mestilah barangan yang sah dijualbelikan. Barangan yang tidak sah diperjualbelikan tidak sah untuk digadaikan
<i>Marhun bih</i> (Jumlah/ amaun)	Jumlah pinjaman yang diperlukan oleh penghutang
<i>Sighah</i> (Kontrak Perjanjian)	Perjanjian di antara penghutang dan pemberi hutang. Perlu adanya ijab dan kabul semasa pembentukan perjanjian tidak sah gadaian tanpa ijab dan kabul.

Sumber diubah suai dari: Faudziah & Rosemaliza, (2002), Nur Hayati & Ruzian, (2014), Nor Fadilah, Shafina, Wan Shahdila Shah, & Hj Tajul Azli, (2015) dan Azizah & Atikullah, (2019)

Manfaat Skim Ar-Rahnu Kepada Usahawan Wanita

Skim Ar-Rahnu ternyata mempunyai banyak manfaat terutamanya kepada mereka yang menghadapi masalah kewangan dan kekurangan modal seperti usahawan wanita (Hallieyana, Nurul Fazlina, & Azwan, 2021; Salimah, 2020 dan Hallieyana & Hamid Auni, 2019). Berikut adalah kerangka konsep berkaitan manfaat skim Ar-Rahnu yang difokuskan dalam membantu membiayai aktiviti perniagaan yang diceburi oleh usahawan wanita khususnya.



Jadual 4: Manfaat Skim Ar-Rahnu kepada Usahawan Wanita

Skim Ar-Rahnu berlandaskan Syariah

Berdasarkan ayat 275 di dalam Surah Al-Baqarah menjelaskan mengenai riba yang bermaksud:

“ Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan menjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba ini) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

Petikan ayat ini jelas menunjukkan bahawa setiap transaksi peniagaan yang melibatkan *riba* tidak boleh diambil mudah dan seharusnya berlandaskan syariah. Menurut (Ishak, Rohaizad, Abdullah, & Azmi, 2019) dalam aktiviti muamalat, Islam telah meletakkan peraturan yang jelas beserta garis panduan yang mesti dipatuhi. Malah, setiap mereka yang terlibat dalam urusan perniagaan harus menjauhi elemen-elemen haram yang lain seperti judi (maisir) dan juga kesamaran (*gharar*) (Ishak, Rohaizad, Abdullah, & Azmi, 2019).

Di dalam kewangan Islam, khususnya transaksi urus niaga amat melarang sebarang bentuk kadar faedah (interest) (Nur Hayati & Ruzian, 2014) begitu juga dengan aktiviti keusahawanan yang disertai oleh usahawan wanita. Dapat dilihat pada hari ini apabila kewangan Islam bukan lagi hanya untuk masyarakat Muslim, malah telah menjadi fenomena di peringkat antarabangsa yang mampu menyaingi produk kewangan konvensional (Nur Hayati & Ruzian, 2014). Hal ini yang demikian, skim Ar-Rahnu diperkenalkan di Malaysia adalah untuk menjadi salah satu instrumen kewangan Islam yang boleh digunakan oleh semua lapisan masyarakat terutamanya umat Islam.

Kemudahan pembiayaan mikro kredit ini tidak mengenakan kadar faedah di dalam transaksi pinjaman yang diberikan kepada pelanggan (Salimah, 2021 dan Azizah & Atikullah, 2019). Institusi yang menyediakan kemudahan skim Ar-Rahnu hanya mengenakan sedikit upah simpan terhadap barang gadaian. Menurut Salimah (2021), institusi Ar-Rahnu mengenakan caj upah simpan adalah sebagai jaminan untuk menjaga keselamatan barang gadaian selagi mana barang tersebut berada di institusi berkenaan. Dalam kajian (Azila, Fidlizan, Mohd Yahya, Suraini, & Emilda, 2013), kos upah simpan yang dikenakan terhadap barang gadaian adalah dibenarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan selagi tiada unsur eksploitasi ke atas peminjam.

Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa majoriti usahawan yang terdiri daripada usahawan wanita memilih kemudahan skim Ar-Rahnu adalah disebabkan pinjaman yang diperolehi berlandaskan syariah. Skim Ar-Rahnu jelas berbeza dengan pajak gadai konvensional dengan adanya pelaksanaan yang berlandaskan prinsip Islam iaitu Wadiah, Qardhul Hasan dan Ujrah (Mohamad, Ishak, & Ahmad Nafis, 2014). Dapat disimpulkan bahawa dengan adanya prinsip Islam (syariah) ini, unsur-unsur *riba* dan *gharar* dalam sistem Ar-Rahnu dihapuskan.

Skim Ar-Rahnu tidak memerlukan penjamin

Skim Ar-Rahnu merupakan sumber kewangan yang diperolehi dengan segera, mudah, telus, tidak merumitkan dan adil selain daripada berlandaskan patuh syariah (Salimah, 2021). Keadaan ini sangat membantu ramai usahawan terutamanya usahawan wanita yang memerlukan sumber kewangan bagi pusingan modal perniagaan yang mereka ceburi. Skim Ar-Rahnu menyediakan kemudahan pinjaman kewangan tanpa perlu mengemukakan penjamin kerana institusi Ar-Rahnu hanya menerima cagaran berbentuk barangan kemas (emas) daripada pelanggan (Salimah, 2021). Berbeza dengan institusi kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang memerlukan penjamin dan cagaran berbentuk tanah milik sendiri (Salimah, 2017).

Golongan usahawan mempunyai banyak pilihan untuk memperolehi sumber kewangan dalam menjalankan perniagaan mereka sama ada yang disediakan oleh kerajaan mahupun institusi kewangan yang lain seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Niaga (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bank-bank. Namun, prosedur dan syarat ketat yang dibuat oleh pihak berkenaan menyukarkan golongan usahawan untuk mendapatkan

sumber kewangan sebagaimana yang diinginkan (Salimah, 2017). Skim Ar-Rahnu memberi manfaat kepada usahawan lebih-lebih lagi usahawan kecil dan mikro disebabkan pinjaman Ar-Rahnu tidak memerlukan prosedur dan syarat yang ketat malah mudah dan cepat.

Dapat dirumuskan bahawa kemudahan pinjaman kewangan ini mendorong golongan usahawan kecil dan mikro khususnya wanita yang tidak mempunyai cagaran aset seperti tanah mendapatkan wang dengan hanya mencagarkan barangan kemas mereka. Hal ini kerana emas mempunyai keistimewaannya tersendiri seperti memiliki kadar kestabilan yang terjamin, tidak dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan serta bebas daripada *riba*, *gharar*, *maisir* dan inflasi (Mohd Farhan & Mohd Adib , 2011).

Kesimpulan

Usahawan wanita kini dilihat menjadi agen perubahan dan mampu membantu dalam usaha meningkatkan ekonomi negara setanding dengan kaum lelaki. Oleh itu, institusi kewangan memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan pinjaman kepada golongan usahawan yang amat memerlukan modal pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Institusi Ar-Rahnu juga tidak kurang pentingnya telah menyediakan pelbagai kemudahan atau skim pinjaman berlandaskan syariah kepada mereka yang memerlukan. Hasil kajian ini telah memberi pendedahan kefahaman mengenai konsep, rukun dan gambaran manfaat yang diperoleh oleh usahawan wanita yang telah memilih Ar-Rahnu sebagai institusi yang dapat membantu mereka dalam menjalankan perniagaan. Dengan adanya pemahaman tentang skim Ar-Rahnu, membolehkan para usahawan terutamanya usahawan wanita untuk lebih memilih kemudahan pinjaman Ar-Rahnu berbanding dengan pajak gadai konvensional. Malah, tanpa bantuan kewangan daripada institusi ini, usahawan wanita khususnya akan mengalami masalah dalam menguruskan perniagaan. Hal ini sekaligus mengembangkan lagi sektor kewangan Islam dalam kalangan para usahawan di Malaysia.

Rujukan

- Abd Rah,an, I., Hashim, R., Othman, A. S., & Azmi, A. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Ar-Rahnu (Islamic Pawnshop). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development, (JISED)*, 4(25), 15-23.
- Adibah. A. B. (2015). Factors influencing women entrepreneur business success among SME in Malaysia. *The Journal of Management Studies*.
- Andrea E.Smith-Hu. (2006). *Women Entrepreneurs Across Racial Lines*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.
- Azila. A.R., Fidlizan. M., Mohd Yahya. M.H., Suraini. M.R., & Emilda. H. (2013). Peranan Institusi Pajak Gadai Islam dalam Pembangunan SosioEkonomi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"* (pp. 1352 - 1363). Geran Penyelidikan Universiti, Universiti Pendidikan Sultan Idris [Kod projek: 2012-0122-106-01]
- Azizah. O., & Atikullah. A. (2019). Al-Rahnu Development In Malaysia: A Case Of Al-Rahnu Institution Under The Terengganu Islamic Religious And Malay Customs Council. *International Journal Of Islamic Business*, 4(1), 54-64.
- Azizah. O., Norashidah. H., & Syahrina. A. (2010). Tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan di Ar-Rahnu Kelantan. In *International Seminar, Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia* (pp. 1-12).
- Aznan. H. & Nor Razinah. M. Z. (2021). Ar- Rahnu: Isu dan Penyelesaian Semasa. *Malaysia Journal of Syariah and Law*. Vol.9, No.1, pp. 47-60/ June 2021. ISSN: 1985-7454 I E- ISSN:2590-4396.

- Ar-Rahnu Bank Rakyat. (2022). *Konsep Pajak Gadai*. Retrieved from Ar-Rahnu Bank Rakyat: https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pajak_gadai_i-39/pawn
- Ar-Rahnu TEKUN NASIONAL. (2022). *Soalan lazim Ar-Rahnu*. Retrieved from <https://www.tekun.gov.my/>: <https://www.tekun.gov.my/ms/usahawan-tekun/ar-rahnu-tekun/soalan-lazim-ar-rahnu/>
- Ar-Rahnu YaPEIM. (2022). *Latar Belakang dan Konsep Ar-Rahnu*. Retrieved from <https://www.arrahnuyapeim.net/faq>.
- Balqis. Y., (2014). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Usahawan Kecil Muslim Terhadap Skim Ar-Rahnu (Pajak Gadai Islam). *Tesis Master, Universiti Utara Malaysia (UUM)*.
- Faudziah. Z. A., Rosemaliza. A. (2002). Pajak Gadai Malaysia. In *Landskap kewangan 2002*. (pp. 115-131). Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Hasanuddin. B., & Saimi. B. (2021). Pengetahuan Masyarakat Islam Di Sarawak Terhadap Ar-Rahnu. *Jurnal Pengajian Islam*. ISSN: 1823 7126. Bil. 14 (70-88).
- Hallieyana. S., Hamid. A. L., Maizatul. A. M. Y., & Noor Amani. M. H. (2019). Faktor Pendorong Penglibatan Wanita Dalam Perniagaan. *Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan 2019*. Prosiding. ISBN: 978-983-2306-34-4.
- Hallieyana. S., & Hamid. A. L. (2019). Faktor Penentu Penggunaan Kemudahan Skim Ar-Rahnu Dalam Kalangan Usahawan Wanita. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 2 (4), 35-42.
- Hallieyana. S., Nurul Fazlina. M. Z., & Azwan. A. (2021). Peranan dan Cabaran Institusi Ar-Rahnu Dalam Membantu Usahawan Mikro Wanita. *RABBANICA*. Vol.2, No.2. ISSN:2773-5583.
- Ibraheng. S., Asyraf. A. R., & Mohammad Tahir. C. U. (2019). Pajak Gadai Menurut Perspektif Syeikh Daud Al-Fatani Dan Pengamalannya Dalam Kalangan Masyarakat Selatan Thailand. *International Postgraduate Conference 2019.UniSHAMS*. e-Proceeding.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). *Definisi Ar-Rahn*. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/>: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ar-rahnu>
- McKay, R. (2001). "Women Entrepreneurs: Moving Beyond Family and Flexibility". *International Journal of Entrepreneurs Behaviour & Research*. 7. 148-165.
- Mohamad. A. H., Ishak. A. R., & Ahamd Nafis. A. H. (2014). Factors Affecting The Acceptance on Ar-Rahnu (Islamic Based Pawn Broking: A Case Study of Islamic Banking In Malaysia. *The Macrotheme Review*, 3(4), Spring 2014.
- Mohd Farhan. A., & Mohd Adib. I. (2011). Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan. *Prosiding PERKEM V1*. Jilid 2, 178-183. ISSN: 2331-962X.
- Mohd Maliki. K. Z., & Norasmah. O. (2018). Amalan Pengurusan Perniagaan Wanita Felcra Berhad. *Journal of Business Innovation*. Volume 3 (1-21).
- Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT). (2022). *Konsep Ar-Rahnu*. Retrieved from <http://www.maidam.gov.my/>: <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/security-policy/item/718-konsep>
- Muhammad Saiful. I. M. T., & Muhammad Hakimi. M. S. (2008). Faktor Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Ar-Rahnu di Kedai Ar-Rahnu, Bank Rakyat, Alor Setar, Kedah. *Working Paper in Islamic Economic and Finance*. UKM.
- Nadiah. N. B. (2014). Factors of Customer's Intention to Use Ar-Rahnu At Post Office: A Case Study in Kedah. *Master Thesis UUM*.
- Nik Hadiyan. N. A., Salina. K., & Adewale. A. A. (2016). Role of Ar-Rahnu as Micro- credit Instrumen in Achieving Financial Self-Sufficiency among Women Micro- Entrepreneurs. *Inttellectual Discourse*, 24.
- Nor Aziza. A. A., Kamar. M., & Haniza. K. (2018). Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Wanita. *E-Proceeding National Innovation and Invention Competition Thought Exhibition*.

- Norfadilah. B., Nurul Wajhi. A., Wan Shahdila. S. S., & Khairul A. A. (2017). Analisis Kadar Upah di Institusi Ar-Rahnu. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah. e-ISBN: 978-967-2122-15-9.
- Norfadilah. B., Shafina. F., Wan Shahdila. S. S., & Tajul. A. S. (2015). The Development of Islamic Pawnbroking In Malaysia, Application and Its Challenges. First International Conference on Economics and Banking (ICEB-15). Published by Atlantis Press. Proceeding.
- Nur Haryati. R., & Ruzian. M. (2014). An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysi. Prosiding Kebangsaan Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) “Urus Tadbir Ekonomi yang Adil: Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi”. ISSN: 2231-962X. Pp: 561-570.
- OECD. (2004). Promoting Entrepreneurship and Innovative SMEs in A Global Economy: Towards A More Responsible and Inclusive Globalisation (Women Entrepreneurship: Issue and Policies). *2nd OECD Conference of Ministers Responsible for Small and Medium- Sized Enterprise (SMEs)*. Istanbul, Turkey (June).
- Rosaidi. M. H., & Norziah. O. (2021). Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Di Malaysia: Isu dan Cabaran Pelaksanaannya Di Malaysia. International Conference On Syariah & Law 2021 (ICONSIAL 2021)-Online Conference, (pp. 523-533).
- Salimah. Y. (2017). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Usahawan Kecil Muslim Di Kelantan Terhadap Ar-Rahnu. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Salimah. Y. (2020). Intrinsic Factors Affecting The Acceptance of Muslim Small Entrepreneurs In Kelantan Towards Ar-Rahnu. *International Journal of Business and Society*, Vol. 21. No. 2. Pp. 507-520.
- Salimah. Y. (2021). Manfaat Ar-Rahnu Kepada Pembangunan Usahawan Kecil. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 1(1), 1-11.
- Shalini. S. (2005). Developing Women Entrepreneurs In South Asia: Issues, Initiative and Experiences. Bangkok: United Nation, UNESCAP
- Umi Munirah. S. M. Z., Aidatul Najwa. H. A., Mohammad Rizki. M., Wan Suraya. W. H., & Wan Shahzlinda. S. S. (2017). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Usahawan Wanita Tekun: Satu kajian di Hulu Langat.” Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah (ICOMM)
- Yahaya, S., Abullah, S.R., Mat Hassan, S. H., Hamid, C.K., & Faizal, F. (2022). Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Penerimaan Ar-Rahnu dalam Kalangan Usahawan Kecil Muslim di Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43),115 – 129.
- Yusnidah. I., Faudziah. Z. A., & Anggapan. R. (2005). Isu-Isu Kewangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Sintok, Kedah, Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Zainuddin. A. (2022). Pajak Gadai Islam: Ar-Rahnu. Retrieved from https://e-muamalat.islam.gov.my/:https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/arrahnu_brakyat._melayu.pdf